

Headline	Bilangan individu positif HIV di Sabah bertambah		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	28 Nov 2011	Color	Full Color
Section	Tempatan	Circulation	29,826
Page No	2	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	169 cm ²
Journalist	Stephanie Lee	AdValue	RM 871
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,613



Bilangan individu positif HIV di Sabah bertambah

Stephanie Lee

KOTA KINABALU: Bilangan individu yang positif HIV bertambah di Sabah, sama seperti tempat lain di negara ini.

Pengarah Jabatan Kesihatan Sabah, Dr Mohd Yusof Ibrahim (**gambar**) berkata untuk menangani masalah ini, Kerajaan menggalakkan pemeriksaan HIV secara sukarela di kalangan rakyat, dengan memberi sesi pemeriksaan percuma di semua klinik Kerajaan.

Dua jenis pemeriksaan dijalankan, iaitu pemeriksaan HIV tanpa nama dan sukarela serta pemeriksaan sebelum berkahwin (dengan bayaran minimum).

Statistik untuk pemeriksaan tanpa nama, katanya, menunjukkan bilangannya bertambah daripada 963 pada 2009 kepada 1931 pada 2010 dengan dua positif yang disahkan dalam kedua-dua tahun itu.

Untuk statistik sehingga September tahun ini, sejumlah 1,962 pemeriksaan dijalankan dengan dua positif, katanya.

Sebaliknya, Yusof berkata pemeriksaan prap-

erkahwin bertambah daripada 8,132 kes dengan sembilan disahkan positif pada 2009, kepada 14,185 kes dengan 13 positif tahun elpas.

Jabatan mencatat sehingga 11,269 pemeriksaan praperkahwinan dengan 14 positif setakat September tahun ini.

"Jadi kita dapat lihat kesedaran awam mengenai perlunya untuk membuat pemeriksaan sedemikian dan juga perkhidmatan yang diberikan oleh Kerajaan," katanya.

Statistik Jabatan Kesihatan mendedahkan penyakit kelamin meningkat setiap tahun, begitu juga dengan penyalahgunaan dadah di Malaysia.

Pada 2010, hampir 50 peratus kes HIV baru yang melibatkan mereka yang dijangkiti melalui cara itu dan sejumlah 3,652 kes HIV baru dilaporkan dengan kadar 12.8 dalam setiap 100,000 penduduk.

Hasil daripada program pemeriksaan HIV itu, didapati kira-kira 0.06 peratus di kalangan ibu mengandung, 0.07 peratus di kalangan bakal suami isteri dan 0.6 peratus di kalangan mereka yang menjalani pemeriksaan secara sukarela adalah positif

HIV.

Dalam hal ini, Yusof berkata program itu menyediakan pemeriksaan HIV yang pantas dan rahsia kepada masyarakat, selain menggalakkan golongan yang berisiko tampil dan menjalani ujian untuk pengesanan awal.

Ia juga menyediakan pakej perkhidmatan yang merangkumi kaunseling, rawatan dan jagaan susulan bagi mereka yang didapati positif HIV.

Klien positif HIV yang layak akan dimasukkan ke dalam program rawatan yang menggunakan HAART (Terapi Anti Retroviral Amat Aktif).

Perkhidmatan kesihatan awam melalui pemeriksaan HIV praperkahwinan sebaliknya, disasarkan untuk mendidik pasangan mengenai langkah-langkah penjagaan keselamatan selepas perkahwinan dan bagaimana mengurangkan risiko pasangan atau orang lain dijangkiti penyakit itu.

Ia juga merupakan langkah berkesan untuk pengesanan awal HIV bagi mengelak jangkitan dari ibu kepada anak.

Mengenai perkembangan lain, Yusof berkata Hari AIDS Sedunia peringkat kebangsaan akan diadakan di Sandakan pada 10 Disember.

